

10 FEB 2001

MBM-Perhimpunan

MBM YAKIN LEBIH 10,000 BELIA HADIRI PERHIMPUNAN

SHAH ALAM, 10 Feb (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) yakin Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru anjurannya pada 18 Feb ini akan menjangkau sasaran awal penyertaan 10,000 orang belia, kata Presidennya Saifuddin Abdullah.

Beliau berkata ini berdasarkan sambutan menggalakkan daripada pertubuhan bukan kerajaan dari seluruh negara yang melahirkan kesediaan untuk menjadi penganjur bersama.

"Mengikut senarai kami (MBM) yang terkini, sebanyak 74 pertubuhan daripada pelbagai latar belakang telah mengesahkan menjadi penganjur bersama," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat persediaan perhimpunan itu di sini hari ini.

Saifuddin berkata antara pertubuhan yang telah mengesahkan penglibatan mereka dalam perhimpunan itu ialah persatuan belia negeri dan daerah, persatuan bekas polis, persatuan bekas perajurit, persatuan mahasiswa, persatuan wartawan, persatuan artis, pelatih maktab dan kelab kenderaan.

Beliau berkata sambutan menggalakkan daripada pertubuhan itu menunjukkan bahawa belia dan rakyat daripada pelbagai latar belakang berkongsi kefahaman mengenai pentingnya patriotisme dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Saifuddin juga berkata satu rombongan kenderaan akan diadakan pada 16 Feb dan 17 Feb sebagai persediaan menyambut dan mengiringi ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari perhimpunan itu di Stadium Malawati.

Katanya rombongan itu akan disertai empat kumpulan utama iaitu Vespa Malaysia, Kelab-kelab Motosikal, Kelab Mini Malaysia dan Kelab Kereta Putra.

Mereka akan bermula dari tiga penjuru iaitu Alor Setar, Kota Bharu dan Johor Bharu dan akan berlepas pada pagi Jumaat ini, katanya.

Pada keesokannya rombongan itu akan disertai oleh kumpulan yang akan bermula dari Ipoh, Kuantan dan Seremban.

-- BERNAMA

RIZ AKD